

UMS sasar jadi

Oleh SITI AISYAH
NARUDIN

universiti penyelidikan

KOTA KINABALU: Matlamat untuk menjadi sebuah universiti penyelidikan mendorong Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk membuat penilaian sendiri bagi mempertingkatkan kuantiti dan kualiti penyelidik dan penyelidikannya.

Naib Canselor UMS, Brig-Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Haji Ampon berkata di bawah seksyen kuantiti dan kualiti penyelidik 2008 dan 2009, UMS hanya mampu mencapai markah 8.8 peratus daripada 25 peratus markah penuh.

“Memandangkan pentingnya penyelidik dalam sesebuah universiti, kita harus tanamkan sifat suka dan cinta penyelidikan. Pelbagai usaha akan diambil untuk membantu dan menanamkan minat penyelidik dalam menjalankan penyelidikan,” katanya.

Kamaruzaman berkata UMS akan memberi bantuan kewangan dan peluang menghadiri persidangan dan



HARI JADI ... Selepas majlis itu, Kamaruzaman turut diberikan kejutan sambutan hari jadinya yang ke-57 tahun.

pameran untuk membantu penyelidik meluaskan jaringan kerjasama dengan pensyarah dari universiti luar.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan amanatnya bagi 2010 di Dewan Canselor UMS, dekat sini kelmarin.

Selain itu, beliau menambah UMS juga

akan memperkenalkan penyelidikan mereka di mata dunia, memperkembangkan penyelidikan dengan perkongsian fikiran dan peminjaman teknologi luar, menganjurkan bengkel, menawarkan insentif kepada penyelidik muda untuk memupuk budaya penyelidikan.

“Kuantiti dan kualiti penyelidikan merangkumi aspek penerbitan, bilangan geran penyelidikan sains dan teknologi yang diterima oleh kakitangan akademik, perbelanjaan penyelidikan untuk setiap projek dan pelantikan pasca kedoktoran.

“Setakat ini, hasil pengumpulan maklumat untuk penerbitan menunjukkan UMS masih kurang dalam menghasilkan penerbitan dalam jurnal, buku, bab dalam buku berbanding jumlah pensyarah atau penyelidik yang berkhidmat di UMS,” jelasnya.

Justeru beliau berharap agar pihak penerbit UMS mengambil langkah proaktif dalam menggalakkan warga UMS untuk menerbitkan buku dengan penerbit universiti.

“Setiap pensyarah seharusnya menghasilkan minimum dua jurnal berimpak tinggi bagi setiap tahun, khususnya profesor dan profesor madya,” katanya sambil mengingatkan agar para penyelidik dapat memanfaatkan inisiatif dari UMS dengan menggandakan usaha mereka.



AMANAT ... Kamaruzaman ketika menyampaikan amanatnya pada majlis itu.